

Bahasa Melayu Tahun 6 Pemahaman (021)

Nama: _____ Angka Giliran: _____

Tahun: _____ Markah: _____

Bahagian A

[20 markah]

Soalan 1 hingga 8

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.


- 1 Cikgu Hakim sedang membuat _____ peserta yang akan mengikuti Kuiz Matematik.
 - A dipilih
 - B terpilih
 - C pemilihan
 - D memilihkan

- 2 Kumpulan koir itu menyanyikan lagu patriotik dengan _____ sekali.
 - A sayu
 - B merdu
 - C rancak
 - D sumbang

- 3 Pemandangan tempat ini sangat indah pada waktu malam _____ kerlipan cahaya lampu.
 - A akan
 - B serta
 - C dengan
 - D tentang


- 4 Ahli pasukan bola sepak berasa sedih kerana _____ akan kehilangan jurulatih yang berkaliber.
- A mereka
 - B kalian
 - C kamu
 - D kami

Soalan 5 berdasarkan gambar di bawah.



- 5 Benteng itu dibina untuk _____ air melimpah keluar.
- A membenarkan
 - B menghalang
 - C menguatkan
 - D membantu

Soalan 6 berdasarkan gambar di bawah.




- 6 Amira _____ apabila namanya diumumkan sebagai pemenang.
- A risau
 - B panik
 - C yakin
 - D terkejut

- 7 Kita perlu sentiasa _____ semasa turun dan naik bas.
- A berikut-ikut
 - B berhati-hati
 - C bersama-sama
 - D berduyun-duyun
- 8 Penyidai pakaian itu mempunyai _____ yang unik dan mesra pengguna.
- A reka bentuk
 - B reka cipta
 - C alat bantu
 - D ubah suai

Soalan 9 berdasarkan gambar di bawah.

Pilih penjodoh bilangan yang sesuai.



- 9 Pokok durian itu baru menggugurkan beberapa _____ buah.
- A longgok
 - B ulas
 - C biji
 - D ikat

Jika Ganesh membawa payung seperti yang disuruh oleh ibunya, tentu dia tidak akan basah kuyup akibat hujan lebat.

- 10 Pilih peribahasa yang sesuai dengan pernyataan di atas.
- A buang yang keruh, ambil yang jernih
 - B tak lapuk dek hujan tak lekang dek panas
 - C sehari selembat benang, lama-lama menjadi kain
 - D sesal dahulu pendapatan sesal kemudian tidak berguna

- 11 Razak seorang yang amanah, sebab itulah dia dilantik sebagai bendahari persatuan.
Pilih perkataan sinonim bagi amanah.
- A jujur
 - B pandai
 - C khianat
 - D waspada
- 12 *Pilih ayat tanya yang sesuai bagi jawapan yang diberikan.*
Ibu tidak dapat melelapkan mata kerana memikirkan keselamatan ayah yang bertugas di perbatasan.
- A Di manakah ayah bertugas?
 - B Bilakah ayah bertugas di perbatasan?
 - C Mengapakah ibu tidak dapat melelapkan mata?
 - D Apakah perasaan ibu apabila ayah bertugas di perbatasan?
- 13 *Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.*
Emak membuat keputusan untuk membawa kami pulang ke kampung menemani nenek yang keseorangan.
- A “Nenek akan datang dari kampung untuk menemani kita,” ujar emak.
 - B “Kamu akan balik ke kampung untuk menemani nenek yang keseorangan,” ujar emak.
 - C “Emak akan keseorangan apabila kamu balik ke kampung untuk menemani nenek,” ujar emak.
 - D “Emak akan membawa kamu balik ke kampung untuk menemani nenek yang keseorangan,” ujar emak.

Soalan 14 dan 15

Pilih ayat yang betul.

- 14**
- A** Jangan pastikan kelas berada dalam keadaan yang bersih.
 - B** Minta semua peserta berada dalam kumpulan masing-masing.
 - C** Sila masukkan kertas yang tidak boleh digunakan ke dalam kotak.
 - D** Tolong penonton memberikan maklum balas yang positif selepas tayangan tersebut.
- 15**
- A** Kamal ketawa terbahak-bahak semasa membaca komik itu.
 - B** Saya berasa berbesar hati dengan layanan yang diberikan dari tuan rumah.
 - C** Budak itu bukan sahaja bijak walaupun sangat kreatif dalam menghasilkan kraf tangan.
 - D** Pihak sekolah telah membuat keputusan untuk mengadakan hari sukan pada bulan lepas.

Soalan 16 hingga 20

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

KOTA BHARU: Guru cemerlang dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Panji, K A Razhiyah Mohamed Khutty, menerima Anugerah Guru Pendidikan Khas Terbaik Asia 2019 di Persidangan Special Education Network and Inclusion Association (SENIA) di Hong Kong pada 24 Februari lalu.

Beliau memulakan karier perguruan pada tahun 1985 dan mula menumpukan kepada pendidikan khas pada tahun 1990 apabila melihat cabaran mendidik pelajar istimewa berbeza daripada mengajar pelajar normal.

“Saya menganggap pelajar istimewa ini seperti anak sendiri dan cuba menyampaikan ilmu kepada mereka sebaik mungkin sehingga menjadi insan berguna serta berjaya di sebalik kekurangan diri masing-masing. Pada masa sama, mengajar mereka memberikan satu kepuasan kepada saya, terutama apabila setiap yang diajar *dipraktikkan* mereka biarpun mengambil masa lama, tidak seperti pelajar normal lain,” katanya ketika ditemui di SMK Panji, di sini, hari ini.

Sepanjang Razhiyah menjadi pendidik, banyak anugerah pernah dimenangnya termasuk tersenarai antara 50 orang guru dunia dalam anugerah Hadiah Guru Global 2018 anjuran Yayasan Varkey, di London, United Kingdom (UK).

Katanya, sejak berkhidmat di SMK Panji pada tahun 2006, dia memperkenalkan program Teratak Spa iaitu projek yang memberikan peluang kepada pelajar istimewa mengendalikan rawatan kecantikan seperti rawatan muka, kaki dan urutan tangan untuk membina keyakinan diri mereka.

Dipetik dan diubah suai daripada Razhiyah guru pendidikan khas terbaik Asia 2019.

Sumber : www.Bharian.com.my

- 16 Di manakah Anugerah Guru Pendidikan Khas Terbaik Asia 2019 disampaikan?
- A SMK Panji, Kota Bharu Kelantan
 - B Pusat Dagangan Dunia Putra Kuala Lumpur
 - C Yayasan Varkey di London, United Kingdom (UK)
 - D Persidangan Special Education Network and Inclusion Association (SENIA) di Hong Kong
- 17 Apakah program yang diperkenalkan oleh guru cemerlang ini kepada pelajar istimewa?
- A Program Kecemerlangan Diri
 - B Program Pendidikan Khas
 - C Program Teratak Spa
 - D Program Jati Diri
- 18 Selain Anugerah Guru Pendidikan Khas Terbaik Asia 2019, apakah anugerah lain yang pernah diterima oleh Cikgu K A Razhiyah Mohamed Khutty?
- A Anugerah Saintis Muda Negara
 - B Anugerah Perkhidmatan Cemerlang
 - C Anugerah Hadiah Guru Global 2018
 - D Anugerah Guru Pendidikan Khas Terbaik Dunia
- 19 Perkataan *dipraktikkan* dalam petikan boleh digantikan dengan perkataan _____.
- A dilaksanakan
 - B disampaikan
 - C diumumkan
 - D diusahakan
- 20 Pilih pernyataan yang benar tentang petikan.
- A Konsep program Teratak Spa adalah projek untuk pelajar normal.
 - B Beliau memulakan karier perguruan pendidikan khas pada tahun 1985.
 - C Beliau menganggap mendidik pelajar istimewa lebih senang daripada pelajar normal.
 - D Beliau menganggap pelajar istimewa seperti anak sendiri dan cuba menyampaikan ilmu kepada mereka dengan sebaik mungkin.

Bahasa Melayu Tahun 6 Pemahaman (021)

Nama: _____ Angka Giliran: _____

Tahun: _____ Markah: _____

Bahagian B

[30 markah]

Soalan 21

Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam petikan di bawah.

dan

kerana

yang

dengan

untuk

tetapi

agar

atau

Pada awal pagi, saya dan ibu ke rumah jiran _____ membantu membuat persiapan majlis perkahwinan anak perempuan mereka. Ramai jiran lain turut hadir dan bergotong-royong membuat pelbagai persiapan. Ada yang sibuk menyediakan makanan _____ minuman yang akan dihidangkan kepada para jempunan. Saya bersama anak-anak jiran membantu menyusun kerusi di setiap meja.

Tidak lama kemudian, ramai tetamu tiba untuk menikmati hidangan. Tuan rumah bersalam-salaman _____ tetamu yang datang dan menjemput mereka masuk. Kami berasa gembira _____ dapat menolong jiran kami.

[4 markah]

Soalan 22

(a) Tandakan (✓) bagi ayat yang betul dan (X) bagi ayat yang salah.

Wei Hong membaca maklumat melalui Internet sambil mencatat isi penting.


Kamal membuat latihan setelah menunggu Adli datang untuk belajar bersama-sama.

Yasmin akan menyertai lawatan itu jika Fina juga turut serta.

Puan Tania meminta Rahimah membuka tingkap sementara bilik itu mendapat udara luar.

[4 markah]

(b) Nyatakan satu peribahasa yang sesuai berdasarkan gambar dan pernyataan di bawah.



Persahabatan Swee Lan dan Anita _____

malah tidak dapat dipisahkan lagi.

[2 markah]

Soalan 23

(a) *Tulis ayat tanya yang paling sesuai bagi jawapan yang diberikan.*

Adam : _____
_____?

Erman : Minggu Bahasa sekolah kita akan dirasmikan oleh Pegawai Pendidikan Daerah.

[2 markah]

(b) *Teliti maklumat di bawah, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan ayat yang lengkap.*



Sasterawan Negara Ke-11:

- Dato' Dr. Haji Ahmad Kamal bin Abdullah
- Penyair terkenal Malaysia
- Malam Perhitungan (drama) memenangi hadiah Majlis Drama Malaysia (1971)
- Laut dan Meditasi (puisi) Hadiah Karya Sastera (1972)
- Maknawi Itu, Kasihku (puisi kemala) Hadiah Karya Sastera (1975)

Apakah karya Dato' Dr. Haji Ahmad Kamal bin Abdullah yang pernah memenangi hadiah?

[3 markah]

Soalan 24

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat yang lengkap.

Masyarakat di Malaysia banyak menggunakan serai sebagai bahan perisa dalam masakan, seperti masakan rendang, tomyam, kerabu, masak lemak cili padi dan asam pedas. Aroma dan rasanya yang unik dapat menambahkan keenakan masakan dan meningkatkan selera.

Serai dipercayai berasal dari Sri Lanka dan telah tersebar luas di kawasan Tropika, termasuk Malaysia, Indonesia, Tanzania, Brazil, Guatemala dan China. Serai ialah sejenis tanaman rumput yang beraroma dan mempunyai rimbunan daun yang lebat. Pada setiap rumpun, terdapat banyak batang yang tumbuh daripada rizom. Serai mudah ditanam di mana-mana jenis tanah kecuali kawasan berair atau berpaya.

Di sesetengah negara, serai diusahakan secara komersial dalam pengeluaran minyak pati. Minyak pati serai berwarna kuning hingga coklat kemerahan dan ditambah dengan limau agar berbau seperti limau. Minyak pati serai digunakan sebagai pewangi sabun, bahan pencuci dan syampu. Selain itu, minyak pati serai merupakan herba yang digunakan untuk rawatan senak perut, perut memulas, gastrik dan muntah.

(a) Serai berasal dari _____.

[1 markah]

(b) Apakah kegunaan utama batang serai bagi masyarakat Malaysia?

[2 markah]

(c) Seorang rakan kamu makan terlalu banyak sampai senak perut, apakah cadangan yang boleh kamu berikan kepadanya untuk menyelesaikan masalah ini?

[3 markah]

Soalan 25

Teliti maklumat di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Karnival Keusahawanan

Mardi Selayang

Anjuran:

Mardi Selayang dan Majlis Perbandaran Selayang

Tarikh:

18 hingga 28 Julai 2019

Masa:

8.30 pagi - 10.00 malam

Tempat:

Stadium Majlis Perbandaran Selayang

Pelbagai aktiviti menarik disediakan, antaranya:

- Jualan produk Industri Kecil dan Sederhana (IKS)
- Jualan buah-buahan tempatan
- Pameran dan pemeriksaan kesihatan percuma
- Pameran keusahawanan
- Sukaneka
- Cabutan bertuah

Datanglah beramai-ramai untuk membeli sambil menderma.

Hasil derma akan disalurkan ke rumah anak-anak yatim dan orang-orang tua.

(a) Di manakah karnival tersebut diadakan?

[2 markah]

(b) Nyatakan **dua** aktiviti yang berlangsung sepanjang karnival.


(i) _____

(ii) _____

[2 markah]

(c) Padankan **pernyataan** dengan **jawapan** yang betul berdasarkan iklan.

Satu daripadanya telah ditunjukkan sebagai contoh.



[2 markah]

(d) Pada pendapat kamu, apakah kebaikan yang diperoleh daripada menyertai karnival tersebut?

[3 markah]

Bahasa Melayu Tahun 6 Penulisan (022)

Nama: _____ Angka Giliran: _____

Tahun: _____ Markah: _____

Bahagian A

[10 markah]

[Masa dicadangkan : 15 minit]

Gambar di bawah menunjukkan aktiviti-aktiviti semasa berkelah di tepi pantai.
Tulis lima ayat yang lengkap tentang aktiviti-aktiviti tersebut.



Bahagian B

[15 markah]

[Masa dicadangkan : 25 minit]


Lihat poster langkah-langkah menjaga alam sekitar di bawah dengan teliti.

Tulis ulasan berdasarkan poster tersebut dalam bentuk perenggan.

Panjangnya ulasan kamu hendaklah antara 40 hingga 70 patah perkataan.



Membuang sampah di tempat yang disediakan



Mengadakan gotong-royong

**Langkah-langkah
Menjaga
Alam Sekitar**



Menanam pokok



Mengenakan tindakan undang-undang

Bahagian C

[25 markah]

[Masa dicadangkan : 35 minit]

Bahagian ini mengandungi dua soalan. Jawab satu soalan sahaja.

Panjangnya karangan kamu hendaklah antara 70 hingga 100 patah perkataan.

Soalan 1

Sekolah kamu telah mengadakan kempen menanam pokok di kawasan sekolah.

Kamu juga terlibat dalam kempen tersebut.

Ceritakan pengalaman kamu sepanjang kempen itu berlangsung.

ATAU

Soalan 2

Kamu telah mengikuti satu lawatan sambil belajar ke pameran buku.

Selaku setiausaha persatuan, kamu dikehendaki menulis laporan lawatan tersebut.

Tulis laporan tentang lawatan itu.